**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**
**15 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)**

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Harian Metro** | |
| - Dinding, jubin dapur dihanyut arus deras | 14 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**15 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Dinding, jubin dapur dihanyut arus deras |
| Muka Surat | 14 |

# Dinding, jubin dapur dihanyut arus deras

**Ampang:** "Kerosakan yang teruk menyebabkan kami diarahkan keluar dari rumah bagi mengelak insiden tidak diingini," kata penghuni rumah yang terkesan akibat banjir di Lot 132 Kampung Tasik Permai, Jalan Permai 13, di sini, kelmarin.

Muhamad Sufari Mohammad, 43, berkata kejadian jam 3 petang kelmarin menyebabkan dinding dan beberapa lantai jubin dapur, tandas serta sinki di dalam rumahnya dihanyutkan arus deras sungai.



*STRUKTUR kediaman mangsa yang rosak dan retak.*

"Pihak berkuasa termasuk wakil Parlimen Pandan dan kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah membuat pemeriksaan terhadap keselamatan rumah saya selepas mengalami kerosakan teruk akibat banjir semalam (kelmarin).

"Mereka memaklumkan saya perlu berpindah memandangkan rumah ini tidak selamat diduduki kerana kerosakan teruk dialami. Malah, mereka memaklumkan kami perlu berpindah bagi memberi ruang kepada pihak berkuasa melakukan kerja pembaikan," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Muhamad Sufari berkata, dia dan ahli keluarganya masih membincangkan mengenai proses pemindahan dalam masa terdekat.

"Buat masa ini, saya masih berbincang lagi dengan ahli keluarga untuk berpindah ke mana memandangkan tempoh kerja pembaikan selesai dijangka mengambil masa kira-kira enam bulan.

"Kami tidak pernah berdepan situasi ini (berpindah) sebelum ini. Kejadian ini adalah paling teruk dilalui sejak lapan tahun lalu," katanya.

Katanya, dia bersyukur kerana tiada yang cedera dalam kejadian itu walaupun terpaksa menanggung lebih RM10,000 kos untuk membaiki struktur rumah berkenaan.

"Sebahagian daripadanya runtuh akibat tanah terhakis susulan sungai di belakang rumah tidak dapat menampung air hujan.



*HAKISAN tanah bersama jubin dapur akibat sungai tidak dapat menampung air hujan.*